

Putera Umno teruskan program mat rempit

Orang ramai tak perlu buat kesimpulan negatif: Abdul Azeez

Oleh Jalal Ali Abdul Rahim

KUALA LUMPUR: Putera Umno bertekad terus mendampingi mat rempit walaupun dikritik hebat beberapa pihak berikutan beberapa program yang dilaksanakan membabitkan kumpulan itu.

Pengerusinya, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata, hasrat pergerakan itu memberi peluang kedua kepada mat rempit memperbaiki diri, ditarik menjadi ahli dan menjadi mata dan telinga polis dalam membanters jenayah.

"Mat rempit ini bukan malaikat.

Mereka anak-anak muda yang mempunyai sedikit masalah tetapi saya tidak akan lari (mendekati mereka) walaupun apa pun orang kata kerana saya mahu bantu mengubah masa depan mereka.

"Hakikatnya sebelum penubuhan Putera Umno lagi, pergerakan ini mahu mengatasi masalah lumba-haram yang sudah berlarutan sejak 20 tahun. Mendekati mat rempit agenda utama kami," kata Abdul Azeez di pejabatnya di sini, semalam..

"Harapan saya akan berlaku hijrah pada minda masyarakat terhadap mat rempit dan usaha yang kita lakukan," katanya.

BH-16/9/2006

Bellau memberi reaksi terhadap pelbagai laporan negatif ketika Ekspedisi Merdeka Putera Bermotor Kuala Lumpur-Teluk Batik 2006 pada 9 dan 10 September lalu. Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga dilaporkan tidak bersetuju dengan cadangan pergerakan itu mahu mengumpul 50,000 mat rempit di Bukit Jalil, November ini.

Abdul Azeez menggesa orang ramai tidak boleh membuat kesimpulan negatif dalam masa begitu singkat.

"Jika ada 200 mat rempit benar-benar jahat, saya masih menang sebab ada 7,800 lagi yang saya boleh dibagikan," katanya yang yakin polis

memberi kerjasama terhadap hasratnya berbincang dengan 8,000 mat rempit yang sudah mengisi borang menganggotai pergerakan itu, untuk mendaftar sebagai Rakan Cop.

"Saya mahu membantu polis menjadi perantara terbaik antara penguat kuasa dan mat rempit. Mereka boleh menjadi mata dan telinga dan menyalur maklumat kepada polis terutama kes ragut kerana kes itu banyak membabitkan mat rempit.

"Kita juga akan mewujudkan pangkalan data mat rempit bagi membantu mengatasi jenayah melalui maklumat yang ada seperti nombor pendaftaran motosikal," katanya.